

02 JUL 1996

Umno-Calon

UMNO SABAH RESTUI DUA LAGI CALON DARI SABAH

KOTA KINABALU, 2 Julai (Bernama) -- Perhubungan Umno Sabah merestui dua lagi pemimpin dari Sabah sebagai calon merebut jawatan anggota Majlis Tertinggi Umno pada perhimpunan parti itu Oktober ini.

Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Haji Sukam berkata mereka ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey Jeffrey dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Shafie Apdal.

Sabah sebelum ini merestui bekas Ketua Menteri, Datuk Salleh Said Keruak, yang juga Ketua Perhubungan Umno, dan Osu untuk bertanding merebut tempat dalam Majlis Tertinggi.

"Kita bersetuju merestui pencalonan mereka setelah menimbangkan bahawa mereka adalah pemimpin di peringkat persekutuan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat perhubungan Umno Sabah di sini petang ini.

Osu, yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, berkata jumlah empat calon yang direstui oleh perhubungan tidaklah begitu besar berbanding jumlah 20 bahagian yang terdapat di negeri ini.

Mengenai mesyuarat itu, beliau berkata ia membincangkan pentadbiran parti dan persiapan jawatankuasa perhubungan untuk menghadapi konvensyennya akan datang.

Katanya mesyuarat tidak membincangkan kedudukan Salleh, yang meletakkan jawatan pada 28 Mei lepas, berikutan pelaksanaan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

"Salleh masih menjadi Ketua Perhubungan," katanya dan menambah kata bahawa kedudukan Salleh terpulang kepada budibicara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti.

-- BERNAMA

OPP AHH